

20/08/2003

PM rasmi pejabat baru kastam Johor

JOHOR BAHRU: Menara Kastam, Larkin, di sini, ibu pejabat baru Kastam Diraja Malaysia (KDRM) akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Bangunan 13 tingkat dilengkapi sistem automasi dan menggunakan sepenuhnya kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terkini bernilai RM35 juta.

Ia terletak di kawasan 4.7 hektar berperanan sebagai pusat pentadbiran bagi 17 pejabat operasinya di seluruh negeri ini termasuk Wisma Kastam, di Tanjung Puteri; Zon Bebas Cukai, Stulang Laut; Tambak Johor; Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB); dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah.

Selain itu, pejabat KDRM Batu Pahat, Muar, Pasir Gudang, Mersing, Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai; Pontian, Segamat, Tanjung Pengelih dan Tanjung Belungkor, Kota Tinggi dan Kluang.

Pengarah Kastam Johor, Sarmin Mat Hussin, berkata majlis perasmian Menara Kastam itu adalah detik bersejarah bagi KDRM Johor yang kini mempunyai bangunan sendiri dan mula beroperasi 15 Mei tahun lalu.

Beliau berkata, bangunan terbabit menempatkan Pejabat Pengurusan Sumber Manusia; Kewangan; Cawangan Perakaunan Hasil; Pusat Pelesenan Setempat; Perkhidmatan Teknik, kaunter khidmat pelanggan, bilik galeri dan siaraya.

Katanya, bangunan itu juga dilengkapi ruang latihan, stor pukal dan pencegahan, unit narkotik, di samping kemudahan kafeteria, taman asuhan kanak-kanak dan surau.

"Pembinaan Menara Kastam sesuai dengan peranan KDRM Johor yang mengawal aktiviti membabitkan udara, laut, kedai bebas cukai, stesen pantai dan pedalaman," katanya, semalam.

Sarmin berkata, KDRM turut memainkan peranan besar sebagai penggalak kegiatan industri pelancongan melalui kemudahan di Tambak Johor yang diguna lebih 50,000 orang yang berulang alik dari Johor ke Singapura setiap hari.